

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN  
ANTARABANGSA

TARIKH: 01.11.2022 MASA: 3.30pm

MUKTAMAD



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN KITAR  
SEMULA PERINGKAT SEKOLAH DAN PENYAMPAIAN HADIAH  
PERTANDINGAN POSTER *HOW TO KEEP MALAYSIA GREEN*  
*WITH R-BOY ANJURAN BERSAMA FRASER & NEAVE*  
HOLDINGS BHD. (FNHB) TAHUN 2022

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**2 NOVEMBER 2022 (RABU)**  
**3.00 PETANG**

**AUDITORIUM MBSP**  
**MENARA BANDARAYA**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid**  
Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Dihormati Encik Voon Hock Thian**  
Pengurus Jualan Wilayah Utara, F&N Beverages Marketing Sdn Bhd

**Encik Mohd Tazree bin Mohd Tahir**  
Perunding Alam Sekitar  
Tetra Pak Malaysia Sdn Bhd

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Guru-Guru dan Pelajar-Pelajar Sekolah**

**Rakan - rakan Media**

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Alhamdullilah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita berkumpul bersama-sama dalam menjayakan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah Dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Poster *How To Keep Malaysia Green With R-Boy* anjuran bersama Fraser & Neave Holdings Bhd. (FNHB) Tahun 2022.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada guru-guru dan pelajar-pelajar sekolah kerana telah memberi komitmen dalam menyertai pertandingan kitar semula yang dianjurkan bersama pihak Fraser & Neave Holdings Bhd. dan Tetrapak Malaysia Sdn Bhd.

Anugerah ini mula diadakan pada tahun 2017 apabila pihak Fraser & Neave Holdings Bhd. (FNHB) menawarkan untuk menjalankan program ini bersama Majlis Bandaraya Seberang Perai. Namun begitu pada tahun 2020 dan 2021 program ini ditangguhkan akibat pandemik Covid-19 yang

melanda dan menghadkan pergerakan dan aktiviti yang dijalankan bersama pihak sekolah.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang dihormati sekalian,**

Tujuan pertandingan ini diadakan adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan pemahaman para pelajar sekolah, pra sekolah dan tadika tentang kepentingan menjaga alam sekitar melalui aktiviti kitar semula. Selain itu, ia juga bertujuan menyemai perubahan tingkah laku yang positif secara berterusan kepada para pelajar dari pra sekolah atau tadika hingga sekolah menengah.

Pertandingan ini mempunyai tiga kategori iaitu, sekolah menengah, sekolah rendah dan pra sekolah atau tadika. Bagi pertandingan ini, pemenang akan dinilai berdasarkan jumlah beratan perkapita keseluruhan iaitu jumlah kutipan barang kitar semula yang terdiri daripada aluminium, plastik, kertas, kotak minuman dan *E-waste*. Beratan keseluruhan ini akan dibahagikan dengan jumlah pelajar sekolah. Sebanyak 10 sekolah bagi setiap kategori yang mempunyai beratan perkapita tertinggi akan menerima hadiah.

Selain beratan perkapita keseluruhan, sekolah yang mempunyai beratan perkapita tertinggi bagi kutipan aluminium, plastik dan kotak minuman akan membawa pulang anugerah khas bagi ketiga-tiga kategori tersebut. Anugerah khas kutipan kotak minuman tertinggi mendapat tajaan Tetra Pak Malaysia Sdn. Bhd.

Hasil dari pertandingan pada tahun ini, jumlah penyertaan sekolah menengah adalah sebanyak 17 buah sekolah, sekolah rendah 23 buah sekolah dan tujuh (7) pra sekolah / tadika. Jumlah keseluruhan beratan barangkitar semula yang terkumpul adalah sebanyak 95,995.93 kg.

Saya ingin mengucapkan syabas kepada 47 sekolah dan pra sekolah yang menunjukkan minat untuk menyertai pertandingan-pertandingan bertemakan “hijau” dan tahniah kepada para pemenang yang akan menerima hadiah bagi kedua-dua pertandingan sebentar lagi.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang dihormati sekalian,**

Pada tahun ini juga, pihak Fraser & Neave Holdings BHD telah menjalankan pertandingan poster berkonsepkan *How To Keep Malaysia Green With R-Boy*. Poster ini hendaklah dihasilkan menggunakan barang kitar semula kecuali besi dan kaca.

Pertandingan poster ini terbuka kepada sekolah menengah dan sekolah rendah yang diuruskan penyertaan mereka oleh MBSP. Pemenang bagi tempat pertama kedua dan ketiga akan mendapat hadiah. Johan bagi kedua-dua kategori layak menyertai pertandingan di peringkat kebangsaan.

Saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua pihak yang menjayakan progam Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah dan Pertandingan Poster *How To Keep Malaysia Green With R-Boy* dan menjadikannya satu kenyataan, terutamanya pihak Fraser & Neave Holdings Bhd. dan Tetrapak Malaysia Sdn. Bhd.

MBSP sentiasa meletakkan kehendak warga Seberang Perai di hadapan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk kesejahteraan

dan kemakmuran penduduk agar sentiasa dekat di hati. Seberang Perai akan menjadi sebuah bandar yang mampan dan lestari kerana rakyatnya didokong oleh sikap bersedia melakukan perubahan, bersatu hati dan berganding bahu. Manakala MBSP pula meletakkan Pendekatan 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher and Planet Partnership*) sebagai titik tolak untuk memberikan yang terbaik.

### **Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang dihormati sekalian,**

MPSP mengamalkan dasar penuh kebertanggungjawaban dan keterbukaan serta penyampaian perkhidmatan yang pantas dan berkesan dalam usaha meningkatkan keyakinan semua pihak. Sebagai *People Centric Government*, MBSP sentiasa memberi fokus kepada kesejahteraan rakyat sejajar dengan Wawasan Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara dengan bertemakan Meningkatkan daya huni bagi menambah baik kualiti kehidupan di samping menaik taraf ekonomi bagi meningkatkan pendapatan isi rumah . Di harap inisiatif strategik ini akan menjadi landasan untuk MBSP meluncur laju 10 tahun akan datang membawa Pulau Pinang menjadi sebuah negeri yang Pintar dan Hijau yang akan menjadi inspirasi kepada negara.

**Sekian. Terima Kasih**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi***

***Wabarakatuh***